UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA A

lwn.

PROF MADYA MD NOAH JAMAL

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
ABU SAMAH NORDIN HMR
ZAHARAH IBRAHIM HMR
ABDUL AZIZ RAHIM HMR
[RAYUAN SIVIL NO: M-01-628-2010]
24 APRIL 2012 C

UNDANG-UNDANG BURUH: *Pekerjaan - Penamatan - Pelantikan Professor Madya sebagai Timbalan Dekan oleh universiti - Sama ada pelantikan berdasarkan kontrak - Sama ada pelantikan boleh ditamatkan pada bila-bila masa - Sama ada penamatan sebagai Timbalan Dekan menjejaskan pelantikan sebagai Profesor Madya - Sama ada Timbalan Dekan mempunyai harapan sah bahawa jawatannya akan terus kekal sehingga tamat tempoh kontraknya sebagai Profesor Madya - Sama ada seorang penjawat awam - Sama ada penamatan perkhidmatan sah* D

E

Melalui satu perjanjian yang dimasuki dengan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Melaka ('KUTKM'), responden telah dilantik untuk memegang jawatan Profesor Madya Gred DS53 selama dua tahun. KUTKM kemudian telah dinaik taraf kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka ('UTMM') dan responden telah menandatangani perjanjian peletakhakkan di mana dia bersetuju untuk meneruskan perkhidmatan kontraknya dengan UTMM di bawah perjanjian yang telah ditandatangani dengan KUTKM sebelum ini. Melalui surat bertarikh 15 Disember 2007, responden telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik ('Timbalan Dekan') oleh Naib Canselor UTMM. Pelantikannya dibuat di bawah fasal 22(4) Perlembagaan UTMM. Jelas dinyatakan di dalam surat tersebut bahawa pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan boleh ditamatkan oleh perayu pada bila-bila masa sepanjang tempoh pelantikan tersebut. Melalui surat bertarikh 6 Oktober 2008, perayu telah menamatkan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan. Walaupun begitu, penamatan tersebut tidak menjejaskan pelantikan responden sebagai Profesor Gred DS53 secara kontrak. Tidak berpuas hati, responden telah memohon semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan penamatan tersebut. Mahkamah membenarkan permohonan F G H I

responden berdasarkan alasan-alasan, antara lain, bahawa (i) responden tidak diberikan peluang untuk membuat representasi terhadap keputusan penamatan tersebut; (ii) penamatan responden sebagai Timbalan Dekan adalah pra matang memandangkan dia masih di bawah kontrak; dan (iii) responden adalah seorang pegawai yang memegang jawatan penjawat awam dan prosedur atau penamatan hendaklah dibuat menurut undang-undang keadilan asasi. Oleh itu rayuan ini. Adalah dihujahkan bahawa responden mempunyai harapan yang sah ('legitimate expectation') di mana perkhidmatannya sebagai Timbalan Dekan akan terus kekal sehingga tamat tempoh kontraknya sebagai Profesor Gred DS53. Isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah sama ada jawatan Timbalan Dekan itu adalah pelantikan kontrak ataupun merupakan jawatan pentadbiran selagi mana responden menyandang jawatan Profesor Gred DS53.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Abdul Aziz Rahim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Menurut fasal 2 Perlembagaan UTMM yang dibuat di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, responden adalah seorang guru dan juga pegawai universiti. Perlembagaan UTMM telah mentakrifkan perkataan 'guru' sebagai termasuk profesor. Responden telah dilantik sebagai profesor secara kontrak dan merupakan pegawai universiti kerana beliau diberi tanggungjawab oleh Naib Canselor untuk menjalankan tugas-tugas sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Pelantikan responden untuk jawatan Profesor Gred DS53 telah dibuat di bawah fasal 14 Perlembagaan UTMM. (perenggan 11 & 12)

(2) Pelantikan Dekan dan Timbalan Dekan adalah berbeza dengan pelantikan pekerja universiti. Pelantikan Dekan dan Timbalan Dekan seperti mana yang diperuntukkan di bawah fasal 22(4) Perlembagaan UTMM dibuat oleh Naib Canselor di bawah bidang kuasa yang diberikan kepadanya manakala pelantikan pekerja universiti, sama ada sebagai guru atau pegawai dibuat oleh universiti di bawah fasal 14. (perenggan 15)

(3) Tiada sebarang kontrak yang ditandatangani antara responden dengan perayu ataupun dengan Naib Canselor untuk pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan. Oleh itu, pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan bukanlah suatu pelantikan secara kontrak. Dengan itu, syarat-syarat penamatan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan tidak perlu mematuhi prosedur penamatan seorang pekerja universiti yang dilantik secara kontrak. Hanya terma-terma yang dinyatakan di dalam surat pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan perlu dipatuhi. (perenggan 15)

(4) Surat pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan memperuntukkan bahawa pelantikan tersebut boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh universiti selaras dengan peruntukan fasal 22(7) Perlembagaan UTMM. Perkara ini disedari oleh responden. Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal untuk memberi pertimbangan kepada surat responden kepada pendaftar UTMM yang menyatakan niatnya untuk menamatkan kontraknya sebagai pensyarah mulai 1 Januari 2009. Boleh disiratkan bahawa antara sebab perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan ditamatkan adalah kerana responden sendiri telah berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan kontraknya sebagai pensyarah di UTMM. Walau bagaimanapun, tiada keperluan atau kemestian untuk memberikan sebarang sebab atau alasan bagi penamatan tersebut. (perenggan 17 & 18)

(5) Walaupun responden menjawat jawatan pensyarah dan menjalankan tugas sebagai guru di UTMM, responden bukanlah seorang anggota perkhidmatan pendidikan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang ditubuhkan di bawah per. 144A Perlembagaan Persekutuan. Pelantikan responden sebagai pensyarah di UTMM dibuat oleh pihak universiti ('UTMM'), iaitu sebuah badan berkanun. Responden bukanlah seorang penjawat awam di dalam perkhidmatan awam. Selanjutnya, penamatan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan tidak melibatkan penamatan perkhidmatan kontraknya sebagai Profesor Gred DS53. (perenggan 19-21)

(6) Responden tidak mempunyai sebarang harapan yang sah bahawa perkhidmatannya sebagai Timbalan Dekan akan terus kekal sehingga tamat tempoh kontraknya sebagai Profesor Gred DS53 dengan universiti kerana responden sedar akan syarat

A bahawa pelantikannya sebagai Timbalan Dekan boleh ditamatkan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh kontraknya dengan universiti. Tambahan lagi, responden tidak menunjukkan sebarang bukti atau keterangan bahawa suatu representasi atau janji telah dibuat oleh sama ada universiti
B atau Naib Canselor pada masa pelantikannya sebagai Timbalan Dekan. (*Dr Chandra Muzaffar v. Universiti Malaya*; dibezakan). (perenggan 22-24)

English *Translation Of Headnotes*

C *Vide* an agreement executed with Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Melaka ('KUTKM'), the respondent was appointed as a Grade DS53 Associate Professor for a term of two years. KUTKM was then upgraded to Universiti Teknikal Malaysia Melaka ('UTMM') and the respondent executed a vesting
D agreement whereby he had agreed to continue his contractual service with UTMM under the initial agreement signed with KUTKM. *Vide* a letter dated 15 December 2007, UTMM's Vice Chancellor appointed the respondent as the Deputy Dean (Academic) of the Faculty of Electrical Engineering ('Deputy
E Dean'). The appointment was made under art. 22(4) of the UTMM Constitution. It was clearly stated in the said letter that the respondent's appointment as the Deputy Dean could be terminated at any time during the said appointment. *Vide* a letter
F dated 6 October 2008, the appellant terminated the respondent's services as the Deputy Dean. However, the said termination did not affect the respondent's appointment as Grade DS53 Associate Professor. Dissatisfied, the respondent applied for judicial review in the High Court against the decision for his termination. The court
G allowed the respondent's application on the grounds, *inter alia*, that (i) the respondent was not given an opportunity to make his representation against the decision to terminate him; (ii) the termination was premature in view of the fact that the respondent was still under contract; and (iii) the respondent was an officer
H holding the position as a public officer and the procedure or termination must be carried out in accordance with the laws of natural justice. Hence, this appeal. It was submitted that the respondent had a legitimate expectation whereby his service as Deputy Dean would continue until his contract as Grade DS53
I Professor expired. The issue that arose for consideration was whether the position as Deputy Dean was a contractual appointment or an administrative position as long as the respondent held the position as Grade DS53 Professor.

Held (allowing appeal)
Per Abdul Aziz Rahim JCA delivering the judgment of the court:

(1) According to art. 2 of the UTMM Constitution which was enacted under the Universities and University Colleges Act 1971, the respondent was a teacher and also an officer of the university. The UTMM Constitution defines the word 'teacher' to include a professor. The respondent was appointed as a professor based on the contract and was an officer of the university since he was given duties to be performed as a Deputy Dean (Academic) of the Faculty of Electrical Engineering by the Vice Chancellor. The respondent's appointment as Grade DS53 Professor was made under art. 14 of the UTMM Constitution.

(2) The appointment as Dean and Deputy Dean is different from the appointment of an employee of the university. The appointment of the Dean and Deputy Dean as provided under art. 22(4) of the UTMM Constitution is made by the Vice Chancellor under the jurisdiction given to him and the appointment of an employee of the university, whether as a teacher or an officer, is made by the university under art. 14.

(3) No contract was executed between the respondent and the appellant or the Vice Chancellor for the respondent's appointment as the Deputy Dean. Thus, the respondent's appointment as the Deputy Dean was not an appointment based on a contract. As such, the conditions for the termination of the respondent's service as the Deputy Dean did not have to comply with the procedures for the termination of a university employee appointed based on a contract. Only the terms stipulated in the appointment letter as Deputy Dean had to be complied with.

(4) The respondent's appointment as the Deputy Dean stated that the university can terminate the said appointment at any time in accordance with art. 22(7) of the UTMM Constitution. The respondent was aware of this matter. The High Court Judge failed to consider the respondent's letter to the registrar of UTMM stating his intention to terminate his contract as a lecturer with effect from 1 January 2009. It could be derived that among the reasons for the respondent's

termination as the Deputy Dean was because the respondent himself had shown his intention to terminate his contractual service as a lecturer in UTMM. However, no reason or grounds were needed for the said termination.

(5) Although the respondent held the post as a lecturer and undertook responsibilities as a teacher in UTMM, the respondent was not an education service officer appointed by the Education Service Commission established under art. 144A of the Federal Constitution. The respondent's appointment as a lecturer in UTMM was made by the university (UTMM), ie, a statutory body. The respondent was not a public servant in public service. Further, the respondent's termination of service as the Deputy Dean did not involve the termination of his contractual service as Grade DS53 Professor.

(6) The respondent did not have any legitimate expectation that his service as the Deputy Dean would continue until his contractual term as Grade DS53 Associate Professor expired with the university because the respondent was aware of the conditions that his appointment as the Deputy Dean could be terminated at any time before the expiration of his contractual term with the university. Further, the respondent did not adduce any evidence or proof that a representation or promise was made by either the university or the Vice Chancellor during his appointment as the Deputy Dean. (*Dr Chandra Muzaffar v. Universiti Malaya*; dist).

Kes-kes yang dirujuk:

Dr Chandra Muzaffar v. Universiti Malaya [2002] 2 CLJ 448 HC ***(dibezakan)***

Gnanasundram v. Public Services Commission [1966] 1 LNS 219 ***(dirujuk)***

Zakiah Ishak v. Majlis Daerah Hulu Selangor [2005] 4 CLJ 77 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, arts. 5, 8, 132, 144A

Universities and University Colleges Act 1971, s. 7

Bagi pihak perayu - Zalina Hashim; T/n Z Hashim & Co

Bagi pihak responden - Lim Boon Kong; T/n Zain & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Rahim HMR:

[1] Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Melaka bertarikh 27 Ogos 2010 yang membenarkan permohonan responden melalui satu permohonan semakan kehakiman untuk satu perintah *certiorari* membatalkan keputusan perayu yang menamatkan pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknikal Malaysia, Melaka. Bagaimanapun permohonan responden untuk perintah *mandamus* telah ditolak kerana jawatan Timbalan Dekan telahpun diisi oleh penjawat yang baru dan responden hanya dibenarkan untuk mendapat ganti rugi yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

[2] Pada 1 September 2005, responden telah ditawarkan jawatan Profesor Madya Gred DS53 oleh Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Melaka (KUTKM) secara kontrak selama dua tahun. Responden menerima tawaran tersebut; dan suatu perjanjian bertarikh 15 September 2005 telah ditandatangani oleh KUTKM dan responden telah dilantik untuk memegang jawatan Profesor Madya Gred DS53 untuk tempoh dua (2) tahun dari 6 Julai 2005 sehingga 5 Julai 2007.

[3] Sebelum itu, responden adalah staf akademik Universiti Teknologi Malaysia yang telah diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan KUTKM. Responden telah memulakan perkhidmatannya di KUTKM pada 1 Mei 2001 sebagai Profesor Madya Gred DS1 dan telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik di KUTKM dari 1 Jun 2001 hingga 31 Mei 2004.

[4] Pada 1 Februari 2007, KUTKM telah dinaik taraf kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTMM). Berikutan dengan itu, responden telah menandatangani perjanjian peletakhakkan dengan perayu pada tarikh yang sama dan bersetuju untuk meneruskan perkhidmatan kontraknya dengan UTMM di bawah perjanjian yang telah ditandatangani dengan KUTKM sebelum ini.

[5] Melalui surat tawaran bertarikh 15 November 2007, responden sekali lagi ditawarkan dan menerima jawatan Profesor Madya Gred DS53 secara kontrak untuk tempoh dua tahun dan telah menandatangani satu perjanjian yang baru bermula dari 19 November 2007 sehingga 18 November 2009. Kemudian,

melalui surat bertarikh 15 Disember 2007, responden telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik untuk tempoh satu (1) tahun sebelas bulan (11) dan tiga (3) hari bermula dari 16 Disember 2007 dan tamat pada 18 November 2009 dan dibayar elaun pentadbiran sebanyak RM700 sebulan. Pelantikan tersebut dibuat oleh Naib Canselor UTMM. Pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik dibuat di bawah fasal 22(4) Perlembagaan UTMM. Di dalam surat yang sama, dinyatakan dengan jelas bahawa pelantikan responden (sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik) boleh ditamatkan oleh perayu pada bila-bila masa di sepanjang tempoh pelantikan tersebut.

[6] Pada 7 Oktober 2008, responden telah menerima surat bertarikh 6 Oktober 2008 daripada perayu menamatkan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan tersebut. Walaupun begitu penamatan responden sebagai Timbalan Dekan tidak menjejaskan pelantikan responden sebagai Profesor Gred DS53 secara kontrak.

[7] Responden telah memohon semakan kehakiman dibuat terhadap keputusan penamatan tersebut dan telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 27 Ogos 2010 yang mengetepikan keputusan perayu yang menamatkan pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan.

[8] Di dalam afidavit menyokong permohonannya, responden telah berhujah pertamanya, sejak pelantikannya sebagai Timbalan Dekan (Akademik) responden telah menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Timbalan Dekan dengan berpandangan dan harapan yang wajar (with legitimate expectation) perkhidmatannya sebagai Timbalan Dekan akan hanya tamat pada 18 November 2009. Kedua, Naib Canselor tidak memberinya peluang untuk membuat representasi sama ada secara lisan atau bertulis sebelum menamatkan perkhidmatannya sebagai Timbalan Dekan (Akademik). Katanya lagi, keputusan yang dibuat itu dengan notis yang singkat dan tanpa diberikan sebab telah mengakibatkan beliau menanggung malu di kalangan rakan sejawat dan staf fakulti yang lain kerana keputusan tersebut seolah-olah mempertikaikan kredibiliti dan kemampuan beliau sebagai Timbalan Dekan. Ketiga, responden berhujah penamatan perkhidmatannya sebagai Timbalan Dekan (Akademik) adalah tidak sah atau *ultra vires* dan merupakan penyalahgunaan budi bicara oleh perayu. Walaupun fasal 22(7)

Perlembagaan Universiti Teknikal Melaka memperuntukkan bahawa Naib Canselor boleh, jika difikirkan oleh beliau sesuai, membatalkan apa-apa pelantikan yang dibuat di bawah fasal 22(4) atau 22(5) pada bila-bila masa semasa tempoh pelantikan tersebut; prosedur penamatan adalah tidak wajar dan bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan asasi kerana tiada sebarang notis diberikan dan tiada peluang diberikan untuk membuat apa-apa representasi bertulis atau lisan dan bertentangan dengan per. 8 Perlembagaan Persekutuan. Responden berhujah kuasa budi bicara Naib Canselor 'is not unfettered' dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada prinsip keadilan. Perayu katanya telah melanggar prinsip ini.

Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi

[9] Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan responden atas alasan-alasan yang berikut: Pertama, fasal 22(7) Perlembagaan UTMM didraf secara 'vague' yang mempunyai interpretasi yang sangat am dan sangat luas. Kedua, fasal 22(7), Perlembagaan UTMM bertentangan dengan per. 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi mengatakan fasal 22(7) Perlembagaan UTMM memberi kuasa mutlak kepada Naib Canselor untuk membatalkan apa-apa pelantikan yang telah dibuat jika difikirkannya sesuai untuk dibatalkan. Tidak ada sebab atau alasan diberikan untuk penamatan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik). Responden juga tidak diberi tempoh spesifik untuk menjawab dan tidak diberi peluang untuk membuat representasi terhadap keputusan penamatan tersebut. Oleh itu Mahkamah Tinggi merumuskan penamatan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) adalah pra-matang memandangkan beliau masih di bawah kontrak dan ini bertentangan dengan undang-undang keadilan asasi dan gagal mematuhi prinsip 'procedural fairness'. Ketiga, responden adalah seorang pegawai yang memegang jawatan penjawat awam (public officer), oleh itu prosedur atau penamatan hendaklah dibuat menurut undang-undang atau kaedah-kaedah keadilan asasi.

Rayuan Ini

[10] Isu di sini adalah sama ada jawatan Timbalan Dekan (Akademik) yang diberikan kepada responden itu adalah pelantikan kontrak sepertimana pelantikan responden secara kontrak sebagai Profesor Gred DS53 ataupun jawatan tersebut hanya jawatan pentadbiran yang diberikan kepada responden selagi mana responden menyandang jawatan Profesor Gred DS53 dengan dibayar elaun pentadbiran.

[11] Menurut fasal 2 Perlembagaan UTMM yang dibuat di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, responden adalah seorang 'guru' dan juga pegawai universiti. Perlembagaan UTMM telah mentakrifkan perkataan 'guru' sebagai termasuk Profesor. Responden telah dilantik sebagai Profesor secara kontrak. Responden juga adalah pegawai universiti kerana responden telah diberi tanggungjawab oleh Naib Canselor untuk menjalankan tugas-tugas sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Fasal 2 Perlembagaan UTMM mentakrifkan perkataan 'pegawai' bererti antara lain 'Dekan dan Timbalan Dekan'. Sebagai 'guru' dan Timbalan Dekan, responden adalah seorang pekerja universiti. Ini adalah kerana istilah tersebut telah ditakrifkan oleh Perlembagaan UTMM sebagai termasuk pegawai dan 'guru'.

[12] Perkara yang penting diperhatikan ialah fasal 14 Perlembagaan UTMM. Perkara ini memperuntukkan pengambilan kerja oleh universiti. Di bawah Fasal 14, universiti boleh mengambil kerja pegawai, guru atau kakitangan yang dilantik di bawah perlembagaan dan mana-mana statut. Oleh sebab responden telah dilantik sebagai Profesor Gred DS53 secara kontrak untuk selama dua tahun melalui perjanjian bertarikh 19 November 2007, maka bolehlah disimpulkan bahawa pelantikan responden untuk jawatan Profesor Gred DS53 adalah dibuat di bawah fasal 14 Perlembagaan UTMM.

[13] Tetapi pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik adalah dibuat di bawah fasal 22(4) Perlembagaan UTMM oleh Naib Canselor. Fasal 22(4) adalah seperti yang berikut:

> (4) Naib Canselor hendaklah melantik seorang Dekan bagi setiap Fakulti dan Sekolah dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan. Dekan hendaklah menjadi pengerusi Fakulti dan Sekolah dan hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepadanya oleh Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dan apa-apa fungsi lain yang dikenakan ke atasnya dari semasa ke semasa; dan jika Dekan bercuti atau kerana apa-apa sebab lain Dekan tidak dapat menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, maka adalah sah bagi Timbalan Dekan, atau jika ada lebih daripada seorang Timbalan Dekan, Timbalan Dekan yang dinamakan oleh Naib Canselor, atau mana-mana guru Fakulti atau Sekolah yang dinamakan oleh Naib Canselor, untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Dekan itu selama tempoh ketidakupayaan itu berterusan.

[14] Adalah diperhatikan Fasal 22 Perlembagaan UTMM adalah berkaitan dengan fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institut. Fasal 22(1) menyatakan universiti bolehlah dibahagikan kepada fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institut dan dinamakan, sebagaimana yang ditetapkan oleh statut. Fasal 22(3) Perlembagaan UTMM pula, memperuntukkan sesuatu fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institut hendaklah bertanggungjawab kepada Senat mengenai penyusunan dan pengajaran mata pelajaran dalam bidang kuasa fakulti, sekolah, pusat, akademi atau institut itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.

[15] Melihat pada peruntukan-peruntukan fasal 22 Perlembagaan UTMM yang disebut itu, adalah jelas bahawa pelantikan Dekan dan Timbalan Dekan oleh Naib Canselor untuk sesuatu fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institut adalah untuk tujuan pentadbiran bagi perjalanan pengurusan, fungsi, fakulti, sekolah, pusat, akademi atau institut berkenaan. Pelantikan Dekan dan Timbalan Dekan ini adalah berbeza dengan pelantikan pekerja universiti. Pelantikan Dekan dan Timbalan Dekan seperti mana yang diperuntukkan oleh fasal 22(4) Perlembagaan UTMM adalah dibuat oleh Naib Canselor di bawah bidang kuasa yang diberikan kepadanya; sedangkan pelantikan pekerja universiti sama ada sebagai seorang 'guru' atau pegawai adalah dibuat oleh universiti di bawah fasal 14 peruntukan perlembagaan yang sama. Sehubungan dengan ini, adalah diperhatikan bahawa tiada sebarang kontrak yang ditandatangani antara responden dengan perayu (ie, universiti) ataupun kontrak dengan Naib Canselor untuk pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Oleh itu kami bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan bukanlah suatu pelantikan secara kontrak sebagaimana pelantikan responden ke jawatan Profesor Madya Gred DS53 oleh universiti. Oleh sebab itu, syarat-syarat penamatan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan tidak perlu mematuhi prosedur penamatan seorang pekerja universiti yang dilantik secara kontrak. Penamatan perkhidmatan responden oleh Naib Canselor hanyalah perlu mematuhi terma-terma yang dinyatakan di dalam surat pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan yang bertarikh 15 Disember 2007. Perenggan pertama surat pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) yang bertarikh 15 Disember 2007 itu berbunyi:

> Sukacita dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diperuntukkan di bawah Perkara 22(4) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Y. Bhg. Datuk Naib Canselor telah bersetuju untuk melantik tuan sebagai Timbalan Dekan (Akademik) di Fakulti Kejuruteraan Elektrik selama satu (1) tahun sebelas (11) bulan tiga (3) hari berkuat kuasa mulai 16 Disember 2007 hingga 18 November 2009. *Berdasarkan perkara yang sama, Universiti boleh membatalkan perlantikan sebagai Timbalan Dekan (Akademik) pada bila-bila masa dalam tempoh perlantikan itu berkuat kuasa.* (tekanan ditambah)

[16] Sehubungan dengan ini, rujukan perlu dibuat kepada fasal 22(6) dan (7) Perlembagaan UTMM. Kedua-dua peruntukan itu berbunyi:

> (6) Dekan, Timbalan Dekan, Ketua dan Timbalan Ketua yang dilantik di bawah subseksyen (4) dan (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik selama tempoh tidak melebihi empat tahun tetapi adalah layak dilantik semula.
>
> (7) Walau apa pun subseksyen (6), Naib Canselor boleh, jika difikirkannya patut, membatalkan mana-mana pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (4) atau (5) pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan itu.

[17] Bolehlah diperhatikan bahawa di dalam surat pelantikan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik, jelas diperuntukkan pelantikan tersebut boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh universiti *(sic)* selaras dengan peruntukan fasal 22(7). Kami bersetuju dengan penghujahan peguam perayu bahawa perkara ini memang disedari oleh responden. Oleh itu, kami berpandangan responden tidak seharusnya membuat rungutan tentang perkara ini.

[18] Sehubungan dengan ini juga, kami berpendapat YA Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal untuk memberi pertimbangan kepada keterangan yang boleh didapati melalui surat yang bertarikh 28 November 2008 yang dihantar oleh responden kepada Pendaftar UTMM menyatakan niatnya untuk menamatkan kontraknya sebagai Pensyarah Kontrak mulai 1 Januari 2009, apabila YA Hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah ditamatkan tanpa sebab. Pada pandangan kami, adalah suatu kemungkinan yang boleh disiratkan

bahawa antara sebab perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan ditamatkan adalah kerana responden sendiri telah berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan kontraknya sebagai seorang pensyarah di UTMM. Tetapi walau apapun keadaannya, kami berpandangan bahawa di bawah peruntukan yang sedia ada di dalam Perlembagaan UTMM berkaitan dengan pelantikan dan penamatan Dekan atau Timbalan Dekan fakulti atau Ketua dan Timbalan Ketua sekolah, akademi atau institut oleh Naib Canselor, tiada keperluan atau kemestian untuk memberikan sebarang sebab atau alasan bagi penamatan tersebut.

[19] Setelah mendengar hujahan-hujahan daripada kedua-dua pihak, kami juga berpandangan bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi telah khilaf apabila memutuskan bahawa responden adalah seorang penjawat awam menurut per. 132 Perlembagaan Persekutuan, dan oleh itu, semua peraturan dan prinsip penamatan perkhidmatan seorang penjawat awam adalah terpakai kepada responden. Ini adalah kerana walaupun responden menjawat jawatan pensyarah dan menjalankan tugas sebagai 'guru' di UTMM, responden bukanlah seorang anggota perkhidmatan pendidikan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang ditubuhkan di bawah per. 144A Perlembagaan Persekutuan. Pelantikan responden sebagai Pensyarah di UTMM adalah dibuat oleh pihak universiti, iaitu UTMM, sebuah badan berkanun.

[20] UTMM pada asalnya adalah sebuah Kolej Universiti (iaitu KUTM) yang telah dinaik taraf kepada universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Di bawah s. 7 Akta tersebut adalah jelas bahawa sesebuah universiti adalah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai kuasa untuk mendakwa dan didakwa. Oleh yang demikian, pada pandangan kami, responden bukanlah seorang penjawat awam di dalam perkhidmatan awam.

[21] YA Hakim Mahkamah Tinggi juga dalam penghakimannya mengatakan bahawa penamatan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan adalah pra-matang kerana responden masih lagi mempunyai kontrak dengan pihak perayu (ie, universiti). Dalam hal ini, kami bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal untuk membuat perbezaan antara pelantikan responden secara kontrak untuk tempoh dua tahun oleh universiti sebagai Profesor Gred DS53 dan pelantikan

A responden sebagai Timbalan Dekan yang dibuat oleh Naib Canselor secara 'administrative' tanpa sebarang kontrak. Pelantikan tersebut hanya sah selama mana responden terus berkhidmat sebagai Profesor Gred S53 di bawah perjanjian kontraknya atau mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Naib Canselor (tempoh B yang tidak boleh melebihi empat tahun) untuk sesuatu pelantikan mengikut mana-mana yang terdahulu dan boleh ditamatkan oleh Naib Canselor pada bila-bila masa. YA Hakim Mahkamah Tinggi juga telah tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya bahawa penamatan perkhidmatan responden sebagai Timbalan Dekan tidak C melibatkan penamatan perkhidmatan kontraknya dengan universiti, sebagai Profesor Gred DS53.

[22] Seterusnya kami ingin mengatakan secara ringkas mengenai hujah responden bahawa beliau mempunyai 'legitimate expectation' D bahawa pelantikannya ke jawatan Timbalan Dekan akan kekal sehingga tamat tempoh perkhidmatan kontraknya sebagai Profesor Gred DS53 dengan universiti. Pertamanya, kami bersetuju dengan penghujahan peguam perayu bahawa responden tidak mempunyai apa-apa 'legitimate expectation' bahawa perkhidmatannya sebagai E Timbalan Dekan akan terus kekal sehingga tamat tempoh kontraknya dengan universiti sebagai Profesor DS35 kerana responden sedar akan syarat bahawa pelantikannya sebagai Timbalan Dekan itu boleh ditamatkan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh kontraknya dengan universiti. Hakikat ini dinyatakan F dengan jelas di dalam surat pelantikannya sebagai Timbalan Dekan yang bertarikh 15 Disember 2007. Peguam perayu telah merujuk kepada kes *Gnanasundram v. Public Services Commission* [1966] 1 LNS 219. Dalam kes itu mahkamah telah mengatakan bahawa pemohon dalam kes tersebut telah menerima syarat-syarat kontrak G yang dibuatnya dengan pihak Kerajaan. Oleh itu, pemohon adalah terikat dengan syarat-syarat tersebut sebagaimana Kerajaan terikat dengannya. Begitulah juga dengan keadaan di dalam kes di hadapan kami sekarang. Responden telah menerima pelantikan sebagai Timbalan Dekan dengan menyedari bahawa pelantikan ke H jawatan tersebut boleh ditamatkan oleh Naib Canselor pada bila-bila masa.

[23] Kami juga bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa dari segi undang-undang, prinsip 'legitimate expectation' hanya I terpakai jika terdapat suatu representasi dibuat oleh pihak yang melantik kepada responden bahawa pelantikannya sebagai Timbalan

Dekan akan terus kekal sehingga tamat tempoh kontraknya dengan universiti walau apa keadaan sekalipun. Namun begitu, di dalam kes ini tiada terdapat sebarang representasi sedemikian yang dibuat sama ada oleh Naib Canselor ataupun oleh universiti kepada responden. Sehubungan dengan ini, kes *Dr Chandra Muzaffar v. Universiti Malaya* [2002] 2 CLJ 448, yang dirujuk oleh responden sebagai autoriti untuk menyokong hujahnya mengenai prinsip 'legitimate expectation', boleh dibezakan. Sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam perayu, di dalam kes *Dr Chandra Muzaffar (supra)*, pemohon (iaitu Dr Chandra Muzaffar) telah dipujuk oleh Universiti Malaya untuk menerima jawatan Profesor di universiti tersebut dan meninggalkan jawatan tetapnya (pada ketika itu) dengan Universiti Sains Malaysia. Tetapi apa yang terjadi ialah pihak Universiti Malaya tidak menawarkan jawatan tetap kepada pemohon. Mahkamah dalam kes itu telah membuat kesimpulan bahawa Universiti Malaya telah bertindak dengan tidak wajar kerana universiti tersebut telah membuat representasi kepada pemohon bahawa beliau akan ditawarkan jawatan tersebut secara tetap. Oleh sebab representasi tersebut, mahkamah berpandangan bawah pemohon di dalam kes itu mempunyai 'legitimate expectation' untuk ditawarkan jawatan tetap dengan Universiti Malaya. Jelas sekali, fakta kes di dalam kes *Dr Chandra Muzaffar* di atas adalah berbeza dengan fakta kes dalam rayuan ini. Prinsip yang sama juga telah diguna pakai di dalam kes *Zakiah Ishak v. Majlis Daerah Hulu Selangor* [2005] 4 CLJ 77. Dalam kes itu Arifin Zakaria, HMR (pada ketika itu) mengatakan bahawa:

> In law for legitimate expectation to arise there must be evidence of a promise or undertaking made by the respondent to that effect. We find no such evidence before the court. On that premise, we find that her claim for breach of legitimate expectation is wholly unsustainable.

[24] Dalam rayuan ini, responden telah tidak menunjukkan sebarang bukti atau keterangan yang telah dikemukakan melalui afidavitnya di Mahkamah Tinggi yang menunjukkan bahawa suatu representasi atau janji telah dibuat oleh sama ada universiti, atau Naib Canselor pada masa pelantikannya sebagai Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik dibuat, bahawa pelantikan beliau ke jawatan tersebut akan terus kekal sehingga kontraknya dengan UUTM sebagai Profesor Gred DS53 habis tempohnya. Dengan demikian itu, kami berpandangan bahawa dakwaan responden bahawa beliau mempunyai 'legitimate expectation' adalah tidak bermerit.

[25] Di atas alasan-alasan di atas, kami membenarkan rayuan ini dengan kos RM10,000 di sini dan di Mahkamah Tinggi dan deposit dikembalikan kepada perayu dan perintah Mahkamah Tinggi diketepikan.